

Die: Rosmin Darus Gambar: Mohd Nasir Rali

Produk Baik, *Bungkusan Menarik*




Selama dua tahun berturut-turut Fidani Chocolatier Sdn Bhd meraih anugerah Ingenious Award anjuran Malaysia International Halal Showcase (Mihas). Tempat kedua tahun lalu, syarikat itu akhirnya berjaya merangkul gelaran juara tahun ini hasil penampilan produk dan pembungkusannya yang kreatif lagi bermutu.


Kejayaan Fidani menewaskan lebih 400 produk pelbagai jenis sekali gus meletakkannya sebagai syarikat Bumiputra tempatan yang setaraf dengan syarikat antarabangsa.

Syarikat itu menampilkan gabungan tiga produk terbarunya yang terbaik bagi merebut anugerah berkenaan, iaitu coklat L' Amour bentuk hati, curut coklat dan siri simfoni. Bungkusan ketiga-tiga coklat itu mempunyai keistimewaan tersendiri - L' Amour di dalam kotak berwarna fushia (merah jambu pekat) dengan motif wanita seksi, siri simfoni di dalam kotak panjang menegak dan apabila disusun empat sebaris rapat menyerlahkan perkataan FIDANI manakala curut coklat diisi di dalam bekas menyerupai kotak curut import yang cantik.

Kotak coklat L' Amour dihasilkan oleh pereka Carol Chan, yang mengambil masa beberapa minggu untuk menyiapkannya. Carol ialah rakan kongsi Boomerang Network dan Fidani merupakan salah satu pelanggan utama Boomerang.

"Penghasilan bungkusan sesuatu produk memerlukan kerjasama semua pihak, terutama pembuat keputusan. Tidak cukup kalau pereka saja yang kreatif. Ramai pereka layak menghasilkan bungkusan yang cantik dan bermutu, tapi ditolak kerana pembuat keputusan berfikiran konservatif," tegasnya, yang merasa bertuah bekerja untuk Pengarah Urusan Fidani, Datuk Dahlan Rashid, seorang yang berfikiran terbuka dan mudah menerima idea baru. Apatah lagi Datuk Dahlan gemar melawat sambil






belajar ke luar negara untuk mencari pembaharuan dalam aliran semasa pembungkusan dan penghasilan coklat.

Bagaimanapun Carol menambah, katanya, menjual bungkusan semata-mata tidak cukup untuk menarik perhatian pembeli kerana ia memerlukan produk yang baik juga. *"It's takes two to tango,"* katanya

Eksekutif Pembangunan Perniagaan Fidani, Lim Eiling berkata coklat Fidani diperbuat daripada bahan import terbaik dari Belgium dan 100 peratus mentega koko. Coklat ini dihasil menggunakan tangan bagi menjamin keistimewaan buatannya. Fidani juga adalah pengeluar coklat dan bungkusan coklat untuk beberapa syarikat terkemuka lain.

"Menyedari pentingnya pembungkusan maka Fidani sentiasa mencari kelainan sejajar dengan mutu pengeluaran syarikat dan sasaran pelanggan seperti pelancong serta golongan kelas atasan. Jadi selain mengutamakan mutu pembuatan coklat, penghasilan bungkusannya juga cukup sesuai sebagai hadiah tanpa perlu dibalut lagi. Kami memastikan setiap kotak coklat tahan lasak dan tidak mudah rosak apabila dimasukkan ke dalam bagasi," kata Eiling.

Menurut beliau lagi, menjadi hasrat syarikat itu juga untuk menembusi pasaran Asia dan Asia Tengah tidak lama lagi. Sebagai langkah awal, Fidani mengambil bahagian dalam Pameran Bebas Cukai Asia Pasifik di Singapura. 





Carol (duduk) dan Lim Eiling sentiasa berkerjasama.